

# 313 mangsa banjir pindah

**K**UANTAN: Sejumlah 313 mangsa banjir dipindahkan ke tujuh pusat pemindahan sementara selepas dua daerah di negeri ini iaitu Kuantan dan Rompin dilanda banjir akibat hujan berterusan sejak lewat malam kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) negeri, berkata sehingga jam 6 petang semalam, empat pusat pemindahan sementara dibuka di Rompin iaitu di balai raya Teluk Gading, Kampung Kurnia yang menempatkan 184 mangsa; balai raya Kampung Janglau yang menempatkan 19 mangsa, 29 mangsa ditempatkan di Masjid Kampung Perpat, manakala tujuh mangsa di Kampung Kerpai ditempatkan di balai raya Kampung Sepayang.

“Di Kuantan, seramai 74 mangsa ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu 45 mangsa di Kampung Cenderawasih dan Kampung Tanah Putih dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Cenderawasih; 20 mangsa dari Kampung Tiram dan Kampung Segantang Lada di Dewan Orang Ramai Indera Mahkota Jaya,” katanya.